



MENU SIHAT



Mendengar dan Bertutur

Masakan Ibu

Ibu masak apa hari ini?

Ibu telah hidangkan. Lihatlah di atas meja itu.

Ibu masak ikan bakar. Mengapakah ikan ini ibu tidak goreng?

Buah betik pun ada. Apakah sebab kakak suka makan betik?

- banyak minyak
- minyak tidak baik untuk kesihatan



Aktiviti

Menyampaikan maklumat berdasarkan bahan.



- Bimbing murid menyampaikan maklumat dengan ayat yang lengkap.
- KB – Menghubungkaitkan
EMK: Nilai Murni – Kesederhanaan
- KP – Interpersonal

1.2.2
BA: 49



Makanan Kesukaan Rizal

Rizal suka makan nasi, roti, ayam dan ikan. Makanan ini berkhasiat dan penting untuk membesar. Makanan ini memberikan tenaga.

Buah dan sayur mempunyai banyak vitamin. Rizal makan sayur dan buah pada setiap hari. Dia suka makan tembikai dan lobak merah.

Makanan ringan pula tidak baik untuk kesihatan. Rizal tidak gemar makan makanan ringan. Dia tidak makan gula-gula, keropok dan minuman bergas.



1. Makanan berkhasiat sangat penting.
2. Buah-buahan dan sayur-sayuran mempunyai ____.
3. Makanan ringan ____.

Aktiviti

Menyatakan idea tersurat yang terdapat dalam teks dengan betul.



- Bimbing murid memahami teks berdasarkan grafik untuk mencari idea tersurat.

KB – Menaakul
EMK: Nilai Murni – Rasional

BCB – Bacaan intensif

2.2.1 (ii)
BA: 50



Menulis

Lazatnya Sayur



Rizal suka makan sayur.
Sayur ada vitamin dan
garam mineral.

Gigi Rizal kuat kerana
selalu makan sayur.
Gusi Rizal juga sihat.



Aktiviti

Membina ayat.



- Minta murid membina ayat berdasarkan gambar yang diberikan.

KB – Menjanakan idea
EMK: Nilai Murni – Kebersihan fizikal dan mental

Pembelajaran Konstruktivisme

3.2.1 (iii)
BA: 51



Menulis

Tembikai

Kulit tembikai hijau. Isi tembikai berwarna merah dan ada juga yang berwarna kuning. Rasa buah ini manis.

Tembikai boleh dimakan begitu sahaja. Selain itu, tembikai juga boleh dibuat jus.

Tembikai kaya dengan vitamin A dan vitamin C. Vitamin ini diperlukan untuk mencegah penyakit. Antaranya, termasuklah sakit kepala dan penyakit kulit.



Tembikai

Rupa

- Berkulit Hijau
- _____

Cara makan

- _____
- _____

Khasiat

- _____
- _____

Aktiviti

Mencatat maklumat berdasarkan bahan.



- Bimbing murid melengkapkan peta pokok berdasarkan bahan.

KB – Mencirikan

EMK: Nilai Murni – Kebersihan fizikal dan mental

BCB – Mencatat nota

3.2.3
BA: 52-53



Kata Hubung

Ibu Rizal gemar memasak. Masakan ibunya lazat **dan** berkhasiat.



Rizal suka makan lauk ikan **tetapi** abangnya pula suka lauk ayam. Ibu mereka selalu menggoreng ayam **atau** membakar ikan.

Kadang-kadang, Rizal sekeluarga tidak makan di rumah. Mereka makan di Restoran Pak Yazid _____ di Restoran Mawar. Walaupun makanan di situ murah _____ berkhasiat.



Keluarga Rizal amat mementingkan kebersihan. Mereka memilih tempat makan yang cantik _____ bersih.

Aktiviti

Menggunakan kata hubung yang betul dalam ayat.

Bijak Bahasa:

Kata hubung ialah kata yang digunakan untuk menggabungkan ayat. Contoh kata hubung ialah *dan*, *atau* dan *tetapi*.



- Bimbing murid menggunakan kata hubung berdasarkan bahan.

KB – Mengecam

EMK: Nilai Murni – Prihatin

Pembelajaran Kontekstual

5.1.4 (i)
BA: 54-55



Kata Seru

Di ruang tamu

Hai, Kim Seng!
Kamu baru tiba?

Ya, Rizal.
Ibu kamu
mana, Rizal?

Oh, ibu saya
ada di dapur!

Amboi, asyiknya
berbual!

Wah, sedapnya
bau masakan ibu!
Mari kita ke dapur.

Eh, Abang
Aziz!

Di dapur

Hai, lama mak cik tidak
nampak! Apa khabar?

Oh, saya sihat!
Mak cik?

Sihat juga.
Amboi, cantik baju
Kim Seng!

Terima kasih,
mak cik.

Wah, ada air soya!

Air soya baik untuk
kesihatan.

Eh, jangan lihat
sahaja, Kim Seng!
Jemputlah minum.

Bijak Bahasa:

Kata seru ialah kata
yang digunakan untuk
melahirkan perasaan.
Contoh kata seru ialah
hai, amboi, eh.

Aktiviti

Menggunakan kata seru dengan betul dalam ayat.



- Minta murid meneliti gambar dan kata seru yang diberikan.
- Bimbing murid menggunakan kata seru dalam ayat.

KB – Mengecam

EMK: Nilai Murni – Kasih sayang

Pembelajaran Kontekstual

5.1.4 (iii)
BA: 56